

13 OCT 2001

Mahathir-PAS

TIADA DIALOG SELAGI PAS TIDAK JELASKAN KONSEP NEGARA ISLAM

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini Umno tidak akan mengadakan dialog dengan PAS mengenai negara Islam selagi parti itu tidak menyatakan apakah tafsirannya mengenai perkara itu.

Perdana Menteri berkata selagi PAS belum mengumumkan pendiriannya, sebarang dialog antara kedua-dua parti mengenai negara Islam adalah sia sia.

"Kita masih tunggu PAS jawab apakah bentuk kerajaan yang PAS katakan sebagai negara Islam. Saya harap mereka akan beranikan diri untuk menjawab secara terus terang perbezaan negara Islam ala PAS dengan negara Islam Malaysia sekarang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pertemuan di kalangan pemimpin hal ehwal Islam daripada pelbagai peringkat anjuran Biro Hal Ehwal Agama Umno di sini.

Ketika merasmikan perhimpunan agung Parti Gerakan Rakyat Malaysia bulan lepas, Dr Mahathir telah mengisytiharkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam dan ini menyebabkan beberapa pemimpin PAS meminta supaya diadakan dialog antara kedua-dua parti mengenai perkara itu.

Selain itu, PAS juga turut meminta supaya pengisytiharan itu dilakukan di Parlimen.

Dr Mahathir berkata sekiranya dialog diadakan sekarang, ia boleh diumpamakan sebagai perbincangan antara orang celik dan orang buta.

Sambil menyebut kisah ungkapan mengenai sekumpulan orang buta yang cuba menentukan bentuk rupa gajah, beliau berkata dialog itu membuang masa kerana PAS telah "menutup mata dan pemikiran mereka".

"Mereka tidak akan menerima apa-apa dan ia akan hanya membuang masa bercakap dengan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata sebelum ini PAS telah menolak tawaran Umno untuk berdialog mengenai isu yang bersangkutan dengan orang Melayu tetapi sekarang ingin pula berdialog mengenai negara Islam.

Katanya, Barisan Nasional telah menerima pengisytiharan Umno bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam dan apa yang penting bagi mereka ialah selagi kerajaan tidak merampas kebebasan seperti yang dijamin oleh perlembagaan, "mereka agak gembira".

Mengenai pertemuan hari ini, Dr Mahathir berkata ia bertujuan memberi penjelasan kepada anggota Umno mengenai pengisytiharan bahawa Malaysia ialah negara Islam.

Beliau berkata sungguhpun majoriti anggota Umno menerima baik pengumuman itu, ada segelintir yang tidak memahaminya dan justeru itu penjelasan diberikan kepada mereka mengenai perkara tersebut.

-- BERNAMA
AKT MAM MOZ